

24 FEB 2000

RUMAH KELAHIRAN DR MAHATHIR DI ALOR SETAR DITUTUP SEMENTARA

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Rumah tempat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilahirkan di Alor Setar akan ditutup sementara kepada pengunjung bermula 15 Jun ini.

Ketua Cawangan Perhubungan Awam Arkib Negara Faridah Ishak berkata dalam kenyataan hari ini bahawa penutupan itu bagi membolehkan kerja pembesaran dan pengindahan rumah itu dilakukan.

Rumah beralamat No.18, Lorong Kilang Ais, off Jalan Pegawai itu akan ditutup sehingga 31 Dis.

-- BERNAMA

NM MAI